

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]
TARIKH : 24.3.2014
SOALAN :

Y.B. Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kos bagi perlanjutan program Mentor Bahasa Inggeris, tempoh kontrak baru, syarikat jururunding apa yang dilantik serta apakah perlanjutan program tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlanjutan Program Penutur Jati Bahasa Inggeris (PPJBI) dilaksanakan bagi tempoh 1 Oktober 2013 hingga 30 September 2015. Syarikat yang dilantik adalah SMR HR Group (120 mentor), Brighton Education group (120 mentor) dan British Council Malaysia (120 mentor).

Pelanjutan PPJBI ini merupakan sebahagian usaha Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan kebolehan dan keberkesanan tenaga pengajar dalam pedagogi serta kemahiran dan penguasaan Bahasa Inggeris. Selain itu, mendedahkan guru-guru kepada teori-teori dan konsep-konsep baharu dalam bidang pengajaran Bahasa Inggeris dari segi membaca, menulis, mendengar dan bertutur secara efektif. Program ini juga telah berjaya mengukuhkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan guru-guru. Maklum balas daripada

guru-guru yang telah melalui program tersebut adalah positif dan mereka telah menyatakan bahawa apabila mengaplikasi pengetahuan baharu yang didapati daripada program PPJBI, objektif pengajaran dan pembelajaran dalam kelas Bahasa Inggeris dicapai tanpa menghadapi sebarang jenis cabaran. PPJBI ini melibatkan semua guru Bahasa Inggeris Tahap I di 1,800 buah sekolah rendah dengan kos sebanyak RM 184,358,544.00.

Rjm56

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 24 MAC 2014 (ISNIN)
DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN
[KENINGAU]

SOALAN :-

YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada pemasangan CCTV di tempat-tempat tertentu misalnya di '*vehicle parking area, housing estate*' dan tempat yang digunakan orang ramai di pekan-pekan, di pasar-pasar akan dipertimbangkan dengan serius dan bukan cadangan semata-mata.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Lab National Key Result Area (NKRA) pada tahun 2009 telah mengenalpasti program pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di bawah Program Bandar Selamat sebagai salah satu mekanisma yang dapat membantu mengurangkan jenayah. Inisiatif ini dilaksanakan secara kolaboratif erat antara pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan juga Kementerian melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) dan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT).

Sebelum sesuatu lokasi pemasangan CCTV dipilih, ianya dirancang dengan teliti dan ditentukan oleh pihak Kementerian dan PDRM berdasarkan kepada kawasan-kawasan tumpuan utama (*hot spots*) jenayah. Kawasan *hot spots* ini turut meliputi kawasan *vehicle parking area*, *housing estate* dan tempat yang merupakan tumpuan orang ramai seperti di pasar-pasar yang mempunyai risiko jenayah.

Sehingga kini, Kementerian telah memasang sebanyak 496 CCTV di 25 PBT di semenanjung Malaysia melalui kontrak pemasangan CCTV Fasa 1. Program pemasangan CCTV ini bertujuan memberi penekanan untuk membanteras jenayah jalanan selaras dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) NKRA Mengurangkan Jenayah.

Di samping itu, sebanyak 496 CCTV lagi melalui projek pemasangan CCTV Fasa 2 sedang dipasang di 25 PBT termasuk di Negeri Sabah dan Sarawak dan dijangka siap pada akhir bulan November 2014. Sehingga Mac 2014, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan bimbingan Kementerian telah memasang dan menyenggara 1,143 unit CCTV menjadikan jumlah CCTV yang dipasang (Kementerian dan PBT) diseluruh negara adalah 1,639 unit.

Untuk makluman Dewan Yang mulia ini, tanggungjawab memasang CCTV ini bukanlah hanya di bawah Kerajaan Persekutuan sahaja. Semua pihak termasuklah pihak swasta harus bersama-sama menjayakan agenda transformasi Kerajaan ini. Kementerian melalui JPBD telah mengeluarkan Garis Panduan Reka Bentuk Bandar Selamat seperti:

1. Garis Panduan Program Bandar Selamat;
2. Garis panduan Pemasangan CCTV di Premis Perniagaan dan Tempat Awam;
3. Panduan Pelaksanaan Pengasignan Laluan Pejalan Kaki dari Laluan Bermotor: Pemasangan Tonggak Jalan Dan Rel Penghadang; dan

Kementerian melalui JPBD juga telah mengeluarkan Panduan Pelaksanaan *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED). CPTED adalah konsep perancangan berdasarkan kepada idea reka bentuk persekitaran fizikal terperinci secara efektif boleh mempengaruhi perlakuan manusia dari melakukan kesalahan serta mengurangkan perasaan takut berlakunya jenayah dan insiden jenayah di samping meningkatkan kualiti persekitaran dan kehidupan.

Dengan usaha Kerajaan di dalam melaksanakan program CCTV di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah, ditambah dengan usaha Kementerian melalui JPBD mengeluarkan pelbagai garis panduan seperti spesifikasi teknikal CCTV, kaedah pemilihan lokasi pemasangan dan penyelenggaraan CCTV, insyaallah akan memberi suasana kehidupan yang lebih sejahtera kepada seluruh rakyat Malaysia.

Selain itu, peluasan pemasangan CCTV di bawah fasa 2 ke Negeri Sabah dan Sarawak menunjukkan keseriusan Kerajaan Persekutuan dalam pelaksanaan dan pemasangan CCTV. Mekansima Kerajaan untuk menggunakan CCTV dalam usaha membentaras jenayah akan diteruskan secara realiti dan bukannya satu perancangan yang tinggal cadangan semata-matanya.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014